

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan secara terperinci jumlah kes-kes demam denggi di negeri Perak untuk tahun 2013 ke 2015. Nyatakan pecahan kes mengikut daerah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kes denggi yang dilaporkan di negeri Perak pada tahun 2013 adalah sebanyak 2,519 kes, untuk tahun 2014 sebanyak 7,525 kes manakala tahun 2015 pula sebanyak 9,466 kes.

Terdapat sebanyak 10 daerah di negeri Perak. Pada tahun 2015, didapati lapan (8) daerah melaporkan kurang daripada 500 kes setahun, satu (1) daerah melaporkan kes di antara 500 hingga 1,000 kes setahun, dan satu (1) daerah lagi melaporkan lebih daripada 1,000 kes setahun.

Pada tahun 2014, sebanyak tujuh (7) daerah melaporkan kurang daripada 500 kes setahun, dua (2) daerah melaporkan kes di antara 500

hingga 1,000 kes setahun dan satu (1) daerah melaporkan lebih daripada 1,000 kes setahun.

Manakala untuk tahun 2014, terdapat sembilan (9) daerah melaporkan kurang daripada 500 kes setahun dan hanya satu (1) daerah sahaja melaporkan lebih 1,000 kes setahun.